

0993

B 8513 AAB

LEAD KABINET - ROMBAKAN R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 14 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN ROMBAKAN KABINET DENGAN MENGISI SATU KEKOSONGAN DAN MENUKARKAN BEBERAPA MENTERI, TERMASUK YANG SUDAH LAMA MEMEGANG JAWATAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI JUGA MENUKARKAN ENAM TIMBALAN MENTERI, MENAIKKAN PANGKAT SEORANG SETIAUSAHA PARLIMEN MENJADI TIMBALAN MENTERI SAMBIL MELANTIK DUA ORANG SETIAUSAHA PARLIMEN.

KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH PEJABAT PERDANA MENTERI PETANG INI MENYEBUT BAHAWA ROMBAKAN ITU DIBUAT KERANA TERDAPAT BEBERAPA KEKOSONGAN DAN MEMEBERI PELUANG KEPADA BEBERAPA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN UNTUK MENDAPAT PENGALAMAN BARU.

DATUK SERI S. SAMY VELLU YANG MENJADI MENTERI KERJA RAYA SEJAK 10 TAHUN LEPAS, DITUKARKAN KE KEMENTERIAN TENAGA, TELEKOM DAN POS.

DATUK LEO MOGGIE YANG MEMEGANG PORTFOLIO TENAGA, TELEKOM DAN POS SEJAK IA DIWUJUDKAN PADA 1978, MENJADI MENTERI KERJA RAYA YANG BARU. -- LAGI.

1917MST 14 06 89

0994

B 8516 AAB

LEAD KABINET - ROMBAKAN 2 KUALA LUMPUR R R R

(I)

MENTERI BURUH ENCIK LEE KIM SAI BERTUKAR KE KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN ENCIK NG CHENG KIAT KINI BERTUKAR KE KEMENTERIAN KESIHATAN YANG KOSONG BERIKUTAN KEMATIAN TAN SRI CHAN SIANG SUN.

MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK DR. SULAIMAN DAUD SEKARANG MENJADI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEHAKIMAN. KEMENTERIAN KEHAKIMAN DAHULUNYA DIPEGANG OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SENDIRI.

KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH KINI DIPEGANG OLEH DATUK KASITAH GADDAM, YANG SEBELUM INI MENJADI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MELANTIK ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN BENTUNG YANG BARU DIPILIH, DATUK LIM AH LEK, SEBAGAI MENTERI BURUH.

TIMBALAN MENTERI KESIHATAN DATUK K. PATHMANABAN DITUKARKAN KE KEMENTERIAN BURUH.

MENURUT KENYATAAN ITU, YANG DI-PERTUAN AGONG TELAH MEMPERKENANKAN PERLANTIKAN DAN PERTUKARAN ITU YANG BERKUATKUASA MULAI HARI INI KECUALI BAGI MEREKA YANG BELUM MENGANGKAT SUMPAAH.

UPACARA MENGANGKAT SUMPAAH JAWATAN DAN MENYIMPAN RAHSIA AKAN DIADAKAN DI HADAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG TIDAK LAMA LAGI. -- LAGI.

1920MST 14 06 89

0995

B B517 AAB

LEAD KABINET - ROMBAKAN 3 KUALA LUMPUR R R R

(I)

ROMBAKAN YANG MELIBATKAN TIMBALAN MENTERI TERMASUKLAH BAGI TIMBALAN MENTERI KESIHATAN DATUK K. PATHMANABAN YANG DITUKARKAN KE KEMENTERIAN BURUH; DATUK S. SUBRAMANIAM DARI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE KEMENTERIAN PERTANIAN DAN DATUK ALEX LEE DARI KEMENTERIAN PERTANIAN KE KEMENTERIAN KERJA RAYA.

TIMBALAN MENTERI BURUH, DATUK WAN ABU BAKAR, MENGAMBIL TEMPAT SENATOR FARID ARIFFIN; SEBAGAI TIMBALAN MENTERI KEWANGAN. SENATOR FARID PULA KE KEMENTERIAN KESIHATAN.

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN, DR. TING CHEW PEH, DINAikkan PANGKAT MENJADI TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI. TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK OO GIN SUN TELAH MELETAKKAN JAWATAN.

ENCIK OSU SUKAM, TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA, DITUKARKAN KE KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN. -- LAGI.

1921MST 14 06 89

0996

B B518 AAB

LEAD KABINET - ROMBAKAN 4 KUALA LUMPUR R R R

(I)

ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN BAKRI, ENCIK CHUA JUI MENG DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN.

SETIAUSAHA PARLIMAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN M.G. PANDITHAN, YANG DIPECAT DARIPADA MIC, KINI DIGUGURKAN DAN JAWATANNYA DIBERIKAN KEPADA DATUK DR. K.S. NIJHAR, PENERUSI JAWATANKUASA DISIPLIN MIC.

-- BERNAMA.

1922MST 14 06 89